

**PENILAIAN KE ATAS DOLICHODERUS LUND, 1831
(HYMENOPTERA: FORMICIDAE)
DI BORNEENSIS**

ZAKARIA BARABAG

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SAINS
TAKSONOMI DAN BIODIVERSITI**

**INSTITUT BIOLOGI TROPIKA DAN PEMULIHARAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2010**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

PENILAIAN KE ATAS DOLICHODERUS LUND, 1831 (HYMENOPTERA: FORMICIDAE) DI BORNEENSIS

Kajian terhadap *Dolichoderus* Lund, 1831 (Hymenoptera: Formicidae) di BORNEENSIS dijalankan bermula Januari hingga Jun 2009. Objektif kajian ini adalah untuk menentukan status taksonomi, taburan geografi dan membina kekunci dikotomi spesies *Dolichoderus* di BORNEENSIS. Pengecaman ke atas sejumlah 816 individu semut *Dolichoderus* dibuat dengan menggunakan mikroskop Stereo Leica EZ4 untuk menentukan ciri-ciri morfologinya. Spesies paling dominan adalah *D. thoracicus* (530 individu, 64.95%) diikuti oleh *D. cuspidatus* (88 individu, 10.78%), *D. coniger* (44 individu, 5.40%), *D. sulcaticeps* (31 individu, 3.8%), *D. inderapurensis* dan *D. pastorulus* (25 individu, 3.06%), *D. kinabaluensis* (19 individu, 2.33%), *D. modiglianii* (14 individ, 1.72%), *D. maschwitzi* dan *D. sp.1* setiapnya (11 individu, 1.35%). Spesies kurang daripada 10 individu adalah *D. beccarii* (5 individu, 0.61%), *D. tuberifer* (4 individu, 0.49%), termasuk *D. smirugosus* serta tiga morfospesies lain iaitu *D. sp.2*, *D. sp.3* dan *D. sp.4* (2 individu, 0.25%) serta *D. patens* (1 individu, 0.12%). Semua koleksi diperolehi dari kawasan Borneo, Malaysia Barat, Singapura, Indonesia dan Thailand. Borneo adalah penyumbang spesies yang paling tinggi iaitu 76.5 peratus. Kekunci dikotomi spesies *Dolichoderus* di BORNEENSIS dibuat berdasarkan ciri-ciri morfologi di bahagian kepala, mesosoma, petiol, gaster dan kaki. Memandangkan Borneo mempunyai kekayaan semut yang tinggi dan kekurangan kekunci dikotomi di peringkat spesies, kajian taksonomi semut yang berterusan adalah penting.